

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 17 MAC 2016

RUJUKAN : 8768

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk pangkalan data atau sistem pendaftaran pelaku seksual yang dirangka oleh Kementerian dan senarai indikator yang menjadi ukuran penentuan dalam pangkalan data dan sistem ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) masih dalam perbincangan awal tentang keperluan untuk mewujudkan sistem tersebut memandangkan kini telah terdapat Akta Pendaftaran Jenayah Dan Orang Yang Tidak Di Ingini 1969 (Akta 7) yang digunakan bagi pendaftaran penjenayah kerana dikhuatiri akan berlaku pertindihan semasa proses pendaftaran tersebut.